

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

ZCT 312/2 - Mekanik Statistik

Masa: [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua EMPAT soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Terbitkan bahawa antara tekanan P dan ketumpatan tenaga u bagi foton sebagai suatu zarah tak berjisim akan dipenuhi kaitan

$$P = \frac{1}{3} u$$

(10/25)

- (b) Dengan memanfaatkan ungkapan hukum pertama termodinamik  $dQ \equiv TdS = dE + PdV$ , maka tunjukkan bahawa dipenuhi kaitan

$$\left( \frac{\partial S}{\partial V} \right)_T = \frac{4u}{3T}$$

di mana S menyatakan entropi.

(5/25)

- (c) Dengan memanfaatkan kaitan  $\left( \frac{\partial S}{\partial V} \right)_T = \left( \frac{\partial P}{\partial T} \right)_V$  dari teori-teori termodinamik, selanjutnya buktikan rumus radiasi ketumpatan tenaga foton Stefan-Boltzmann

$$u = \kappa T^4$$

di mana  $\kappa$  suatu pemalar dan T adalah suhu.

(10/25)

...2/-

2. Kalau pada taburan Maxwell-Boltzmann bukannya ditinjau terhadap ruang momentum, melainkan terhadap ruang halaju, maka kita mempunyai kaitan-kaitan:

$$\text{Elemen nombor zarah: } dN = 4\pi A V^2 e^{-\frac{1}{2}m\beta V^2} dV$$

$$\text{Elemen tenaga zarah: } dE = 4\pi A V^2 (\frac{1}{2} m V^2) e^{-\frac{1}{2}m\beta V^2} dV$$

- (a) Jika zarah yang ditinjau adalah molekul monoatomik, maka tetapkan nilai parameter A dan  $\beta$  dengan memanfaatkan teori kinetik gas. (15/25)
- (b) Kirakan halaju maksimum zarah. (5/25)
- (c) Jelaskan bahawa taburan zarah lebih fizikal dinyatakan dalam peubah momentum daripada dalam peubah halaju. (5/25)
3. Diketahui terdapat  $N_k$  zarah boson yang sama yang boleh mempunyai  $g_k$  keadaan yang berbeza, sehingga jumlah keseluruhan taburan yang mungkin adalah

$$P = \prod_k \frac{(N_k + g_k - 1)!}{N_k! (g_k - 1)!}$$

dengan syarat:  $\sum_k N_k = N$ ,  $E = \sum_k N_k \epsilon_k$ ; di mana  $N$  menyatakan jumlah total zarah boson,  $E$  adalah tenaga total dan  $\epsilon_k$  sebagai tenaga bagi  $N_k$  zarah boson.

- (a) Terbitkan bahawa taburan bagi  $N_k$  zarah boson untuk  $N_k$  dan  $g_k$  besar, akan ditentukan oleh rumus

$$N_k = \frac{g_k}{[e^{(\epsilon_k - \mu)/k_B T} - 1]}$$

(10/25)

...3/-

- (b) Sebutkan peranan  $\mu$  dan jelaskan sifat-sifatnya. (5/25)
- (c) Berikan rajah bagi  $(N_k/g_k)$  sebagai fungsi  $E_k$ , jika  $E_k$  boleh mempunyai nilai  $E_k = 0$  ke  $E_k = \infty$ . Apakah terdapat keadaan di mana  $(N_k/g_k)$  maksimum? (10/25)
4. Diketahui terdapat  $N_k$  zarah fermion yang sama yang boleh mempunyai  $g_k$  keadaan yang berbeza.

- (a) Jelaskan bahawa haruslah  $g_k \geq N_k$ . Mengapa bagi zarah boson  $N_k$  boleh sembarang? (5/25)
- (b) Jumlah keseluruhan taburan bagi  $N_k$  zarah fermion yang sama ditentukan oleh

$$P = \prod_k \frac{g_k!}{N_k!(g_k - N_k)!}$$

dengan syarat  $\sum_k N_k = N$ ,  $E = \sum_k N_k \epsilon_k$ ; di mana  $N$  menyatakan jumlah total zarah fermion yang ditinjau,  $E$  adalah tenaga total dan  $\epsilon_k$  sebagai tenaga bagi  $N_k$  zarah fermion. Terbitkan bahawa taburan bagi  $N_k$  zarah boson untuk  $N_k$  dan  $g_k$  besar, akan ditentukan oleh rumus

$$N_k = \frac{g_k}{[e^{(\epsilon_k - \mu)/k_B T} + 1]} \quad (10/25)$$

- (c) Sebutkan peranan  $\mu$  dan jelaskan sifat-sifatnya. (5/25)
- (d) Berikan rajah bagi  $(N_k/g_k)$  sebagai fungsi  $E_k$  apabila  $E_k$  boleh mempunyai nilai dari 0 ke  $\infty$ , dengan terlebih dahulu memberikan kiraan titik-titik koordinat yang penting (utama). (5/25)